

07/11/1997

Calon bebas diseru tarik diri

Ridzuan Yop

SUNGAI BAKAP, Khamis - Calon bebas, Abu Harith Ahmad, 40, diseru menarik diri daripada bertanding dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap pada 8 November ini kerana tindakannya hanya merugikan orang Melayu di kawasan itu.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mustapa Mohamad, berkata tindakan Abu Harith hanya memecahkan undi Melayu dan melemahkan kekuatan orang Melayu di Sungai Bakap.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan, berkata jika ada orang Melayu masih mahu mengundi lambang Payung (Abu Harith) bermakna mereka sudah membuat kesilapan yang besar.

Beliau berkata, ini kerana jika undi Melayu terbahagi dua, parti pembangkang iaitu DAP mempunyai peluang untuk merebut kerusi kawasan Sungai Bakap dan orang Melayu tidak akan mendapat apa-apa daripada DAP.

"DAP sudah sedia maklum adalah parti yang memperjuangkan satu kaum dan apa lagi yang boleh diharapkan jika mereka menjadi wakil rakyat di kawasan orang Melayu.

"Oleh itu jangan beri peluang kepada Abu Harith, tetapi pilihlah calon parti Barisan Nasional (BN) yang sudah terbukti kemampuan mewakili semua kaum," katanya ketika berucap di Kampung Sungai Kechil, di sini semalam.

Sungai Kechil mempunyai 2,033 pengundi dan daripada jumlah itu, 1,513 pengundi adalah orang Melayu, 367 (Cina) dan 153 (India).

Turut hadir di majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Perancangan Ekonomi dan Penerangan negeri, yang juga Naib Presiden Gerakan, Dr Toh Kin Woon dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Titi Serong, Abdul Latiff Md Ali.

Mustapa berkata, rakyat tidak memerlukan pembangkang dalam kerajaan seperti yang diminta oleh DAP kerana dalam kerajaan sendiri sudah ada ahli parti komponen BN yang mampu memberi pandangan yang membina.

"Dakwa DAP bahawa rakyat memerlukan pembangkang seperti yang diminta setiap kali pilihan raya adalah karut dan tidak perlu diendahkan," katanya.

Menurutnya, semangat setiakawan yang ditunjukkan parti komponen BN setiap kali bertanding dan selepas menang serta menjadi wakil rakyat adalah formula terbaik yang menjadi contoh kebanyakan negara di dunia.

Untuk menjadi negara yang kuat perlu ada kepimpinan negara yang utuh seperti yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad dengan sokongan rakyat yang tidak berbelah bahagi.

(END)